



MyUniMAP kali ini kita amat bertuah kerana dapat menemui seorang tokoh penting di Negeri Perlis ini. Tokoh yang dimaksudkan ini ialah YB Dato' Azizan Bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Sebagai makluman YB Dato' adalah merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang ke-24 dan baru saja berkhidmat di negeri ini iaitu pada 1 Jun 2010 yang lalu. Wawancara Ekklusif ini telah dijalankan di pejabat beliau di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.

Pertama sekali tidak terlalu lambat bagi kami seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan YB Dato' sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang ke-24. Sebagai pembuka bicara, bolehkah YB Dato' bercerita dengan serba ringkas tentang latar belakang, pendidikan serta perjalanan karier sehingga tahap di mana YB Dato' berada kini.

Syukur Alhamdulillah, setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak UniMAP khususnya Y.Bhg. Dato' Naib Canselor di atas penghormatan ini.

Saya dilahirkan di Sik, Kedah pada 16 Disember 1954. Saya mendapat pendidikan pertama saya di Sekolah Kebangsaan Sik, Kedah (1961-1966) dan meneruskan pendidikan saya di Sekolah Menengah Sik (1967-1969) dan Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra (1970-1973). Seterusnya saya telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Geografi dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 1977. Kemudian pada tahun 1988 saya telah berjaya memperolehi Ijazah Sarjana dari Universiti Illinois dalam bidang Sains Politik.

Kerjaya saya dalam Perkhidmatan Awam bermula pada tahun 1978. Pada 8 Mei 1978, saya telah mula bertugas sebagai Pegawai Tadbir Awam. Penempatan pertama saya sebagai penjawat awam ialah di Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang sebagai Timbalan Pengarah. Saya telah ditempatkan di situ selama empat tahun.

Pada tahun 1982, saya telah mengikuti Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama satu tahun. Setelah menamatkan kursus, saya telah dilantik sebagai

Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M3 dan ditempatkan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kemudian saya telah ditempatkan di pelbagai agensi kerajaan sama ada di peringkat daerah, negeri mahu pun persekutuan. Saya telah berkhidmat di beberapa jabatan kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Imigresen, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Kesemua penempatan ini telah membantu saya dalam memberi banyak pengalaman dan akhir sekali sebelum ditempatkan Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, saya telah bertugas di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka selama tujuh tahun, pengalaman cukup berharga inilah yang menjadi iltizam kepada saya untuk berada di jawatan baru saya ini.

Apakah perasaan YB Dato' serta azam yang telah disematkan sebaik sahaja diberi kepercayaan untuk meneraju pentadbiran di Negeri Perlis ini?

Saya amat bersyukur ke hadirat Ilahi di atas keizinanNya, maka saya telah dilantik untuk menjalankan amanah sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Saya akan menggunakan segala pengalaman yang saya ada untuk membangunkan tahap sosioekonomi di Negeri Perlis melalui pengemblengan seluruh tenaga kerja yang ada. Perkembangan ekonomi yang semakin pesat di negeri ini sedikit sebanyak adalah sumbangan dari pembangunan mampan UniMAP. Oleh itu saya percaya bahawa negeri Perlis yang telah diiktiraf sebagai sebuah negeri ilmu akan lebih mudah menerima pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan kerana kebanyakan warganya adalah tergolong dari golongan yang berpendidikan tinggi. Saya juga akan berusaha untuk menaikkan taraf kehidupan seluruh warga Perlis agar kehidupan mereka setaraf dengan negeri-negeri membangun yang lain. Namun begitu, saya amat memerlukan sokongan dan kerjasama dari seluruh rakyat negeri ini terutamanya dari semua penjawat awam agar dapat terus memupuk semangat kerjasama yang jitu bagi mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi di mata dunia. Saya begitu yakin dan bersetuju dengan pepatah Melayu bahawa..."satu batang

lidi mudah untuk dipatahkan, tetapi, secekek lidi, boleh dijadikan penyapu yang mampu membersihkan sebuah bangunan...". Itulah yang patut kita pegang bersama supaya mereka di luar sana akan membuka mata dan minda bahawa negeri yang kecil mampu seiring menongkah arus kemajuan negara.

Apakah Misi dan Visi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis yang diterajui oleh YB Dato' sendiri.

Misi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis adalah 'Memacu Perkhidmatan Yang Berorientasikan Modal Insan Yang Berintegriti Dan Berprestasi Tinggi Bagi Melahirkan Masyarakat Yang Lebih Maju'. Manakala visi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pula adalah 'Peneraju Pentadbiran Awam Negeri Terunggul Bagi Mencapai Wawasan Perlis Maju 2015'. Seperti yang kita sedia maklum, Pejabat Setiausaha Kerajaan merupakan agensi tonggak pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis. Ia merupakan agensi yang menjadi nadi penggerak kepada agensi-agensi lain di Negeri Perlis ini.

Berbalik kepada UniMAP, sejauh manakah YB Dato' mengenali Universiti ini yang merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan antara termuda di Negara kita?

Ya...saya amat mengenali UniMAP sejak dari awal penubuhannya. UniMAP yang dahulunya dikenali sebagai KUKUM merupakan sebuah universiti awam Malaysia yang ke-17.

Saya percaya dan yakin UniMAP di bawah pimpinan Dato' Naib Canselor yang merupakan seorang yang sangat berwibawa dan berpandangan jauh ke hadapan mampu melahirkan generasi jurutera yang lebih kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi. Sepanjang penubuhannya saya dapati UniMAP telah banyak membantu memacu ekonomi dan sosio budaya masyarakat di Perlis. Pendekatan yang digunakan oleh UniMAP dengan menempatkan asrama-asrama pelajar di kawasan persekitaran masyarakat Perlis telah memberi peluang dan ruang kepada penduduk tempatan mengembangkan ekonomi mereka melalui bidang perniagaan khasnya perniagaan makanan di mana gerai-gerai makanan tumbuh seperti cendawan selepas hujan membasahi bumi.

YB DATO' AZIZAN BIN HAMID SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Saya juga berbangga dengan kejayaan UniMAP yang boleh dianggap sebagai front desk dalam usaha negeri Perlis memartabatkan usahanya menjadi sebuah negeri ilmu. Kejayaan UniMAP dalam bidang kejuruteraan, sememangnya amat membanggakan seperti penghasilan produk bio-teknologi dan rumah hijau yang telah diperkenalkan oleh UniMAP di Sungai Chuchuh. Ini adalah salah satu usaha mendukung hasrat kerajaan menjadikan pertanian sebagai perniagaan.

Kini UniMAP bukan sahaja mengkhususkan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, malah UniMAP telah melangkah maju setapak lagi dengan membuka sebuah pusat pengajian baru yang menjurus kepada pembangunan tekno-usahawan. Saya amat berbangga dengan kejayaan ini dan memberi ruang kepada negeri Perlis menjemput lebih ramai para ilmuwan untuk menabur bakti dan mengembangkan ilmu mereka di negeri Perlis yang 'Permai Lagi Mempersona' ini.

Semoga gandingan mantap antara kerajaan negeri dan UniMAP akan membantu negeri Perlis menjadi sebuah negeri yang terus membangun dan dapat mencapai kejayaan demi kejayaan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosio budaya masyarakat. Sama-samalah kita mendukung hasrat kerajaan menjadikan negeri Perlis Maju 2015.

Slogan 'Perlis Negeri Ilmu' telah lama dilaungkan dan sehati di kalangan rakyat Negeri Perlis ini. Apakah YB Dato' melihat kewujudan UniMAP dapat menjadi pelengkap kepada industri ilmu dan seterusnya menjadi pemangkin pembangunan di Perlis ini?

Perlis Negeri Ilmu merupakan idea dan iltizam DYMM Tuanku Raja Perlis. Penubuhan pelbagai Institusi Pengajian Awam dan swasta yang kian bercambah di negeri ini telah membantu negeri Perlis untuk merealisasikan impian dan iltizam DYMM Tuanku Raja Perlis menjadikan negeri Perlis sebagai sebuah negeri ilmu. Kehadiran UniMAP pada tahun 2002 di negeri ini seperti pucuk dicipta ulam menandatangani, untuk sama-sama menyemarakkan lagi semangat cintakan ilmu di kalangan warga Perlis.

Selain itu UniMAP telah banyak membuka ruang dan peluang yang amat luas kepada seluruh rakyat negeri Perlis untuk terus berkhidmat dan mengembangkan ilmu mereka di negeri ini tanpa perlu berhijrah ke tempat lain. Ini adalah sebagai satu pengiktirafan yang amat tinggi kepada kita semua dan sebagai warga yang berfikiran jauh ke hadapan, kita tidak seharusnya melepaskan peluang keemasan seperti ini sekaligus memangkin kemajuan ilmu dan juga ekonomi negeri tercinta.

Pendekatan modal insan yang ditekankan oleh UniMAP amat bagus dan memberi impak yang sangat besar dalam usaha melahirkan insan yang cemerlang dalam pendidikan dan kerjaya, dalam masa yang sama mereka mempunyai keperibadian yang mulia dan bersikap prihatin terhadap masyarakat sekeliling. Konsep modal insan ini jugalah yang kita perlu tanamkan ke dalam jiwa seluruh penjawat awam, swasta dan persendirian di negeri Perlis ini bagi membantu merealisasikan impian Perlis Maju 2015. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak UniMAP kerana usaha universiti ini dalam pelbagai bidang ilmu yang telah dikongsi sama dengan seluruh masyarakat seperti penganjuran program-program bercorak ilmiah, riadah dan khidmat masyarakat. Di harap dengan perkongsian pintar ini, kita akan dapat sama-sama membawa negeri ini ke puncak menara gading seiring dengan kemajuan di negeri-negeri lain.

Misi UniMAP adalah Institusi Akademik dan Penyelidikan yang Berdaya Saing di Persada Antarabangsa. Pada pendapat YB Dato', apakah cabaran dan rintangan yang perlu dihadapi oleh sesebuah IPTA di Malaysia untuk menuju ke arah matlamat itu?

Perkara yang paling penting dalam hal ini adalah memperbetulkan mentaliti dan persepsi. Saya berkata demikian kerana persepsi yang positif serta tahap kreativiti yang tinggi sudah pasti akan menjadi pemangkin ke arah misi tersebut. Saya percaya pada masa ini pun UniMAP telahpun berada dalam landasan yang tepat ke arah itu dengan pelbagai program dan pencapaian cemerlang peringkat tempatan serta antarabangsa, merupakan contoh yang wajar diteladani oleh setiap insan di negeri Perlis.

Menjadi cemerlang adalah satu pencapaian hebat yang mana UniMAP sudah kecapai, tetapi rintangan sebenar adalah mempertahankan kehebatan serta kecemerlangan itu dan mengekalkannya sehingga ke akhirnya.

Pada pandangan peribadi YB Dato', adakah bidang kejuruteraan dapat menguasai pasaran pekerjaan dan bagaimanakah kelompok ini dapat bersaing dengan kepesatan teknologi pada masa akan datang?

Kepesatan ekonomi dan pembangunan negara maju yang berdaya saing dengan dunia di peringkat global telah mendorong seluruh masyarakat untuk terus mengorak langkah maju ke hadapan terutamanya dalam bidang perindustrian dan teknologi jalur lebar. Maka dengan ini jelas terbukti bahawa graduan UniMAP amat diperlukan oleh negara untuk sama-sama memacu kemajuan ekonomi. Para graduan perlu lebih bijak mengambil peluang yang ada dan perlu lebih kreatif



dan inovatif berusaha mencipta sesuatu yang baru dan boleh memberi manfaat kepada negara. Penerapan ilmu yang mendalam semasa berada di UniMAP, sentiasa ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara akan menghasilkan kecemerlangan dalam bidang yang diceburi. Itulah kehebatan moto UniMAP yang perlu terus disemai di kalangan warganya agar graduan yang dihasilkan akan dapat bersaing dengan graduan dari universiti di dalam dan di luar negara.

Selain itu saya beryakinan penuh bahawa teknik pengajaran dan pembelajaran UniMAP yang berteraskan kepada 'hands-on' mampu melahirkan graduan yang sentiasa bersedia untuk dipasarkan di persada industri pembangunan negara. Apa yang penting adalah para graduan perlu mengaplikasikan setiap inci pelajaran yang diperolehi di UniMAP ke dalam dunia kerjaya yang sebenar. Akhir kata dari saya 'we are one' - Perlis No 1! Salam Hormat....

MyUniMAP merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada YB Dato' Azizan Bin Hamid di atas kerjasama yang diberikan walaupun dalam kesibukan tugas mentadbir Negeri Perlis ini. MyUniMAP amat menghargai kesempatan yang telah diberikan ini. Terima kasih juga dikalungkan kepada pegawai-pegawai di Pejabat SUK Negeri Perlis terutamanya kepada Saudara Affandi Rajnikand di atas bantuan dalam menjayakan wawancara ini.

Oleh : Mustafia Ismail (pro@unimap.edu.my)